

HUKUM MEMBACA AL-FATIAH DENGAN SATU NAFAS

Surah al-Fatihah merupakan surah yang sangat penting dalam ibadah solat kerana ia merupakan salah satu rukun qauli (rukun bacaan) yang wajib dibaca ketika menunaikan solat. Dalam kaedah pembacaan ayat al-Quran termasuk surah al-Fatihah, terdapat segelintir dalam kalangan umat Islam hari ini membaca surah al-Fatihah dengan satu nafas. Maka di sini kami bawakan hukum membaca al-Fatihah dengan satu nafas iaitu:

1. Harus (Boleh):

Hukum asas membaca surah al-Fatihah termasuk ayat-ayat al-Quran yang lain dengan satu nafas adalah harus (boleh). Namun, keharusan ini hendaklah dengan syarat memelihara hukum tajwid ketika membacanya iaitu:

- a. Menyempurna dan memelihara makhraj huruf;
- b. Memelihara sifat-sifat huruf;
- c. Memelihara hukum panjang pendek hukum mad;
- d. Memelihara hukum Wakaf dan Ibtida'; dan
- e. Memelihara hukum nun dan mim mati dari segi ikhfa, izhar, idgham dan lain-lain.

2. Makruh:

Hukum membaca al-Fatihah dengan satu nafas boleh menjadi makruh sekiranya cara pembacaan tersebut dilakukan dalam keadaan tergesa-gesa, nafas pembaca menjadi terdesak yang akhirnya menyebabkan pembacaan surah al-Fatihah menjadi kurang sempurna.

3. Afdhal (Paling Utama)

Cara Bacaan surah al-Fatihah yang paling utama adalah dengan tujuh nafas iaitu dengan berhenti pada setiap hujung ayat. Cara ini merupakan cara bacaan yang terbaik dan paling afdhal (utama) kerana ia lebih menepati sunnah.